

09 AUG 1997

BN HULUR DERMA BAGI RAKYAT KOREA UTARA

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan menghulurkan derma sekurang-kurangnya RM10,000 daripada setiap parti komponennya bagi mangsa kebuluran di Korea Utara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Setiap parti akan menderma RM10,000 tetapi tidak ada had bagi mereka yang ingin menderma lebih daripada itu," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN di persidangan berita selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di Bangunan Umno di sini.

Gabungan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa (IFRC) baru-baru ini telah merayu kepada masyarakat antarabangsa bagi membantu rakyat Korea Utara yang kebuluran akibat kemarau dan musim sejuk yang melanda negara itu.

Sekurang-kurangnya RM40 juta diperlukan bagi membeli makanan kepada 2.6 juta rakyat Korea Utara yang 800,000 daripadanya adalah kanak-kanak dibawah umur 5 tahun.

Bagi mereka yang ingin menderma, sumbangan berbentuk cek dan wang pos boleh dikirimkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Bantuan Mangsa Kebuluran Korea Utara), 32 Jalan Nipah, Off Jalan Ampang, 55000 K. Lumpur ataupun kepada The Star Peti Surat 12474, 50778 Kuala Lumpur. --

BERNAMA

NI PR